

Pilihan Bahasa Pelajar dari Negara China dalam Mandala Pendidikan di Universiti Sains Malaysia

Language Choice of Chinese Students in Educational Mandala at Universiti Sains Malaysia

MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB

ABSTRAK

Kajian ini meninjau pilihan bahasa dalam kalangan pelajar dari negara China dalam mandala pendidikan, iaitu ketika mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di Universiti Sains Malaysia dan mengenal pasti faktor-faktor pemilihan mereka terhadap bahasa tersebut. Selain itu, kajian ini turut mengkaji persepsi mereka terhadap bahasa-bahasa pilihan. Kaedah ini adalah kajian lapangan. Borang soal selidik diedarkan secara dalam talian dengan menggunakan Google Form kepada responden. Kaedah ini menggunakan pautan yang tersedia dan dikongsikan secara dalam talian melalui aplikasi WhatsApp dan WeChat bagi mendapatkan jumlah responden yang ditetapkan. Responden yang terlibat berjumlah 100 orang. Pendekatan Fishman (1972) tentang pilihan bahasa mengikut mandala dipilih sebagai kerangka kajian. Kajian mendapati bahawa pola hierarki pilihan bahasa pelajar dari negara China ketika membentangkan tugas adalah (BM > BI > B.Mandarin > BM + B.Mandarin), berinteraksi dengan pensyarah adalah (BM > BI > BM + BI), ketika berbincang berkaitan tugas dengan pelajar tempatan adalah (BM > BI > B.Mandarin > BM + BI), pilihan bahasa ketika berinteraksi dengan rakan dari negara China di dalam kuliah dan tutorial adalah (B.Mandarin > BM > BI), pilihan bahasa ketika berada di desasiswa/hostel menyiapkan tugas bersama pelajar tempatan adalah seperti berikut (BM > BI > B.Mandarin > BM + BI). Bahasa yang dianggap sebagai bahasa paling berprestij adalah (BI > B.Mandarin > BM > Semua Bahasa), bahasa dalam membangunkan identiti dan rasa kebanggaan pelajar adalah (B.Mandarin > BM > BI > B.Mandarin + BM + Semua Bahasa) dan bahasa yang paling efektif dalam bidang pekerjaan adalah (BI > B.Mandarin > BM > BI + BM + B.Mandarin). Secara keseluruhannya, pelajar antarabangsa dari negara China yang belajar di USM masih memilih bahasa Melayu dalam setiap submandala pendidikan. Dapatan ini menunjukkan kelompok pelajar yang belajar di USM mempunyai semangat yang tinggi untuk menyesuaikan diri mereka dengan bahasa dan budaya sesebuah negara dengan baik.

Kata kunci: Sociolinguistik; pilihan bahasa; mandala pendidikan; pelajar negara China

ABSTRACT

This study examines the choice of language among students from China inside the educational mandala, during their teaching and learning session at Universiti Sains Malaysia; and identifies the factors influencing their choice of the language. Apart from that, this study also examines their language perception towards the chosen languages. This study is based on field study, where questionnaires were distributed via an online platform, which is Google Form, to the respondents. This method used available web links from the platform, which were shared online through WhatsApp and WeChat applications to reach the respondents. There were 100 respondents involved. This study uses Fishman's approach (1972) about language selection according to mandalas as the research framework. The study found that the hierarchical pattern of language selection of students from China when presenting assignments is (Malay > English > Mandarin > Malay + Mandarin), interacting with lecturers is (Malay > English > Malay + English), discussing for assignments with Malaysian students is (Malay > English > Mandarin > Malay + English), interacting with friends from the same nationality which is China in lectures and tutorials is (Mandarin > Malay > English), taking scholarship/ staying at hostel while completing assignments with Malaysian students (Malay > English > Mandarin > Malay + English). The language that is considered the most prestigious is (English > Mandarin > Malay > All Languages), language in developing students' identity and sense of pride is (Mandarin > Malay > English > Mandarin + Malay + All Languages) and the language considered as the most effective to be used in employment field is (English > Mandarin > Malay > English + Malay + Mandarin). Overall, China students who are continuing their studies at USM still choose Malay in every sub of the educational mandala. This finding shows that the group of students from China who study at USM are keen in adapting well to the language and culture of a particular country.

Keywords: sociolinguistics; language choice; educational mandala; Chinese national students

PENGENALAN

Pelbagai penawaran kursus untuk pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPT) di Malaysia antara usaha dalam mencapai matlamat Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia (PTPTM) 2022-2025 iaitu mencapai 250,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2025. Terdapat lebih daripada 3.3 juta orang pelajar melanjutkan pengajian tertiar di luar negara asal sejak tahun 2008 lagi (Liew Chei Siang, 2011). Berdasarkan data suku pertama tahun 2023 yang dinyatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Education Malaysia Global Services (EMGS), Novie Tajuddin, terdapat kira-kira 135,000 pelajar antarabangsa sedang melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian di IPT awam dan swasta. Daripada data yang dibentangkan, EMGS berkeyakinan bahawa Malaysia mampu menjadi hab pendidikan pilihan pelajar antarabangsa. (Irwan Shafrizan & Ihsan Norzali, 2023). Ini sejajar dengan Laporan Mobiliti Pelajar Antarabangsa 2025 yang meramalkan bilangan pelajar antarabangsa yang akan melanjutkan pengajian mereka di IPT awam dan swasta akan mencapai bilangan 7.2 juta pada tahun 2025. Justeru, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berusaha untuk mengantarabangsakan pendidikan tinggi bagi menarik lebih ramai pelajar dari luar negara untuk melanjutkan pelajaran di sini (Liew Chei Siang, 2011).

Dalam konteks pelajar dari negara China, Tee Beng Ann & Liew Chei Siang (2010) telah menjalankan kajian terhadap 300 responden. Kajian tersebut berkisar tentang pandangan terhadap Malaysia sebagai tempat pengajian dalam kalangan pelajar China. Hasil menunjukkan aspek pembangunan diri dan penimbaan pengetahuan merupakan dua daripada lima motif utama yang menyebabkan pelajar China berminat untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia. Pencapaian pelajar dari negara China dalam mandala pendidikan di Malaysia adalah hasil kerjasama yang erat antara Institusi Pengajian Tinggi awam dan swasta (IPT) di Malaysia dan juga di China. Ini selaras dengan penegasan yang dibuat oleh Su Yingying @ Suria, Dekan Institusi Pengajian Asia, Beijing Foreign Studies University dan Dr. Han Xiao, Ketua Jabatan Bahasa Melayu, Institusi Pengajian Asia, Beijing Foreign Studies University melalui pernyataan mereka seperti berikut:

Harus ditegaskan bahawa pencapaian dan kejayaan melahirkan graduan jurusan bahasa Melayu yang bermutu tinggi di China adalah berkait rapat dengan bantuan dan sokongan berterusan yang amat berharga daripada pihak-pihak Malaysia yang terlibat serta kerjasama erat yang terjalin antara kedua-dua pihak, misalnya Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Kedutaan Besar Malaysia ke China serta institusi-institusi pengajian tinggi Malaysia tempatan, misalnya UM, UKM, USM, UITM dan sebagainya.

Su Yingying dan Han Xiao (2022)

Berdasarkan pernyataan di atas pencapaian dan kejayaan melahirkan graduan antarabangsa bukan sesuatu yang mudah. Bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak mampu merealisasikan pelajar antarabangsa yang mampu menyesuaikan diri dan berjaya ketika di Malaysia. Dalam konteks pelajar antarabangsa dari negara China yang belajar di USM, penguasaan mereka lebih daripada satu bahasa telah memungkinkan berlakunya penggunaan bahasa yang pelbagai dalam pelbagai submandala pendidikan. Pilihan bahasa yang sesuai dalam submandala pendidikan mampu membantu pelajar ini berkomunikasi dan memahami proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik.

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian menjurus kepada aspek pilihan bahasa yang sesuai bagi mencapai komunikasi yang berkesan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di USM. Hal ini demikian kerana pilihan bahasa yang sesuai dalam proses PdP khususnya semasa kuliah dan tutorial perlu dititikberatkan oleh pelajar dari negara China agar perkara yang ingin disampaikan oleh mereka dapat difahami oleh pensyarah dan pelajar dari Malaysia. Hal ini demikian kerana, dalam mandala persahabatan, pelajar China di USM sering diperhatikan berkomunikasi sesama rakan-rakan senegara dalam bahasa Mandarin. Dalam mandala persahabatan, penggunaan bahasa Mandarin membantu mereka mengekalkan identiti budaya dan menyediakan sokongan sosial yang diperlukan untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di luar negara. Namun, ini juga boleh membawa kepada keterasingan daripada pelajar tempatan dan mengurangkan peluang untuk mempraktikkan bahasa Melayu yang merupakan bahasa utama dalam pengajaran di USM. Keadaan ini menimbulkan beberapa persoalan mengenai keberkesanan interaksi sosial mereka dalam konteks yang lebih formal khususnya dalam mandala pendidikan.

Tujuan utama mereka datang ke Malaysia adalah untuk melanjutkan pengajian, dan kegagalan memahami kuliah, arahan, dan bahan pembelajaran dalam bahasa Melayu boleh mengakibatkan prestasi akademik yang rendah. Apabila pelajar lebih cenderung berkomunikasi dalam bahasa ibunda mereka, mereka mungkin menghadapi kesukaran dalam memahami konsep yang diajar dan berinteraksi dengan pensyarah serta rakan sekelas dari latar belakang bahasa yang berbeza.

Oleh hal yang demikian, pelajar dari negara China perlu memilih bahasa yang dapat difahami oleh interlokutor dalam mandala pendidikan di USM agar proses pembelajaran mereka di universiti dapat berjalan dengan baik. Menurut Spolsky, B. (2004) dalam buku *Language Policy*, pemilihan bahasa dalam konteks pendidikan mempengaruhi tahap kefahaman dan prestasi akademik pelajar, khususnya dalam persekitaran yang multilingual. Kumaravadivelu (2008) turut menekankan bahawa penggunaan bahasa pengantar yang sesuai boleh meningkatkan pencapaian akademik pelajar dengan mengurangkan jurang komunikasi antara pelajar dan pensyarah. Justeru, kajian ini perlu dijalankan untuk mengenal pasti pola penggunaan bahasa dalam submandala pendidikan di USM agar pelajar antarabangsa, khususnya dari negara China, dapat beradaptasi dengan lebih baik dan mencapai kejayaan akademik yang diharapkan.

OBJEKTIF

Kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti pilihan bahasa dalam kalangan pelajar antarabangsa dari negara China dalam mandala pendidikan di USM.

KOSA ILMU

Dalam usaha mengenal pasti pilihan bahasa dalam kalangan pelajar antarabangsa dari negara China dalam mandala pendidikan di Malaysia amnya dan USM khasnya, pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas berkaitan pilihan bahasa dan pengajaran dan pembelajaran melibatkan pelajar dari negara China di Malaysia. Antara pengkaji-pengkaji tersebut adalah Mohd Khaidir Abdul Wahab (2023), Ammar Asyraf & Sa'adiah (2020), Yong, Chyn Chye & Vijayaletchumy Subramaniam (2012), Zeckqualine Melai & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin (2020) dan

Liew Chei Siang (2011).

Mohd Khaidir Abdul Wahab (2023) mengkaji sikap dan pemilihan bahasa oleh pelajar IPTA di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis berlandaskan teori domain yang dipelopori oleh Fishman (1972). Borang soal selidik secara atas talian melalui Google Form diedarkan kepada 400 orang responden. Hasil mendapati majoriti responden memilih bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan dalam domain pendidikan, keluarga dan jual beli. Secara keseluruhannya, sikap bahasa dan pemilihan bahasa pelajar dari USM, UUM dan UNIMAP membuktikan bahawa bahasa Melayu masih mempunyai peranan dan menjadi pilihan sebagai bahasa utama ilmu di IPTA. Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa paling efektif untuk mereka bersaing dalam bidang pekerjaan kelak.

Ammar Asyraf dan Sa'adiah (2020) pula meneliti pilihan terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu di Singapura. Kajian ini turut meneliti sebab pelajar tersebut tidak memilih dan menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi. Secara keseluruhan, hasil kajian mendapati responden bersikap positif terhadap bahasa ini. Jadi, ia menunjukkan bahawa bahasa Melayu masih mendapat tempat dan dihargai oleh pelajar Melayu di Singapura.

Kajian Yong, Chyn Chye & Vijayaletchumy Subramaniam (2012) menyelidik kesilapan leksikal dan fonologi yang dilakukan oleh pelajar asing dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Universiti Multimedia, Cyberjaya. Pendekatan analisis kontrastif dan analisis kesilapan digunakan untuk menilai penulisan 75 pelajar dari Botswana, China, Iran, dan Indonesia yang mengikuti kelas Bahasa Kebangsaan B selama empat belas minggu. Data dikumpulkan melalui ujian penulisan dan pemerhatian selama lapan minggu, mengenal pasti 182 kes kesilapan ejaan yang dikategorikan kepada lima aspek: kata angka asas, kata tanya, kata komunikasi asas, kata ganti nama diri, dan kata sapaan. Kesilapan fonologi yang paling kerap ialah penukaran huruf. Kesilapan ini berbeza antara pelajar bergantung pada latar belakang demografi mereka, menunjukkan perlunya bimbingan yang disesuaikan. Pelajar asing cenderung pasif dalam pembelajaran bahasa Melayu kerana pendedahan yang lebih kepada bahasa Inggeris, menekankan pentingnya peranan guru dan motivasi, serta penyediaan kaedah dan bahan pengajaran yang menarik. Kajian ini memberi panduan berguna untuk pengajar bahasa Melayu dan menyokong usaha mempromosikan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa, selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-10.

Kajian Zeckqualine Melai & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin (2020) menganalisis kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang mengikuti kursus Bahasa Melayu Komunikasi Lanjutan. Data diperolehi daripada kertas jawapan peperiksaan akhir melibatkan 38 pelajar dari pelbagai negara, termasuk Bangladesh, Jepun, dan China. Kajian mendapati 215 kesalahan tatabahasa, dengan kesalahan ortografi menyumbang 76% daripada kesalahan tersebut. Kesalahan ini terbahagi kepada penukaran huruf, penambahan huruf, dan pengguguran huruf. Penemuan ini menunjukkan bahawa kesalahan tatabahasa dipengaruhi oleh latar belakang negara dan bahasa ibunda pelajar, mencadangkan perlunya bimbingan yang disesuaikan untuk meningkatkan pemahaman dan penulisan mereka.

Kajian kes oleh Liew Chei Siang (2011) terhadap pendidikan merentasi sempadan melibatkan pelajar dari negara China, Iran dan Indonesia di Malaysia menunjukkan pertumbuhan pesat dalam permintaan pendidikan antarabangsa, dengan lebih daripada 3.3 juta pelajar melanjutkan pengajian di luar negara pada tahun 2008, dan angka ini dijangka meningkat kepada 7.2 juta pada tahun 2025. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia berusaha mengantarabangsakan pendidikan tinggi untuk menarik pelajar asing, khususnya dari negara China, Iran, dan Indonesia.

Kajian melibatkan 355 pelajar dari ketiga-tiga negara tersebut dan menggunakan model ordered probit untuk menilai faktor yang mempengaruhi kepuasan mereka. Pengaruh faktor akademik dan demografi ke atas kepuasan pelajar terhadap program pengajian. Kos keseluruhan, penggunaan bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran dan kualiti pendidikan adalah antara faktor tarikan penting yang mendorong pelajar melanjutkan pengajian di Malaysia. Sebaliknya, program pengajian yang diinginkan tidak dikendalikan dalam bahasa Inggeris menyebabkan pelajar tidak belajar di negara asal mereka. Keputusan regresi menunjukkan kepuasan terhadap pensyarah dan kaedah penilaian kursus adalah penentu yang penting bagi kepuasan terhadap program pengajian. Persepsi tentang tahap kepuasan juga berbeza secara signifikan antara negara asal pelajar.

Kajian-kajian lepas yang telah disoroti oleh pengkaji dan dibincangkan dalam makalah ini menunjukkan kajian pilihan bahasa melibatkan pelajar antarabangsa dari negara China masih lagi kurang dan mungkin tiada. Kajian-kajian terdahulu tidak secara khusus menilai bagaimana pelajar dari negara China di Malaysia memilih dan menggunakan bahasa dalam konteks pendidikan mereka. Kelompangan ini menunjukkan perlunya kajian yang lebih terperinci tentang bagaimana pelajar dari negara China di USM membuat pilihan bahasa mereka dan bagaimana ini mempengaruhi keberkesanan pembelajaran mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompangan tersebut dengan menilai pilihan bahasa pelajar China di USM, yang akan memberikan pandangan yang lebih jelas mengenai cabaran dan keperluan khusus mereka dalam mandala pendidikan. Oleh itu, kajian ini memenuhi permintaan terhadap kajian kebahasaan dalam mengenal pasti pilihan bahasa yang bersesuaian agar pelajar antarabangsa yang belajar di Malaysia dapat dibantu dalam usaha mengantarabangsakan pendidikan di Malaysia.

KERANGKA MANDALA DAN PILIHAN BAHASA

Fishman (1972) telah mengagaskan kerangka mandala dan pilihan bahasa melalui kajian terhadap komuniti Puerto Rico di New York. Dalam konteks komunikasi, faktor seperti topik perbualan, peserta dan lokasi mendorong kepada pemilihan bahasa seseorang individu atau komuniti seterusnya membentuk situasi komunikasi yang dikenali sebagai mandala (Dilah Tuah et al., 2021). Terdapat lima mandala yang diperkenalkan oleh Fishman iaitu, keluarga, persahabatan, agama, pendidikan, dan pekerjaan. Kajian ini hanya menumpukan submandala pendidikan. Jadual 1 menunjukkan perincian submandala pendidikan.

Mandala pendidikan sebagai fokus kajian adalah penting kerana pendidikan merupakan mandala utama yang mempengaruhi pembangunan akademik dan profesional pelajar, terutama dalam konteks pelajar antarabangsa. Dalam submandala pendidikan, pemilihan bahasa yang tepat dapat mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta kemampuan pelajar untuk memahami dan berinteraksi dengan kandungan akademik. Kajian ini memberi tumpuan kepada submandala pendidikan untuk memahami bagaimana pelajar antarabangsa, khususnya dari negara China, memilih bahasa dalam konteks pembelajaran mereka dan bagaimana pilihan bahasa ini mempengaruhi pengalaman akademik mereka di Malaysia. Dengan menumpukan kepada mandala pendidikan, kajian ini dapat memberikan wawasan mendalam mengenai cabaran bahasa yang dihadapi oleh pelajar, seterusnya membantu dalam merumuskan strategi untuk meningkatkan pemahaman dan prestasi akademik mereka.

JADUAL 1. Perincian submandala pendidikan

Mandala Pendidikan	Perincian Submandala Pendidikan
	<ul style="list-style-type: none">• Mengenal pasti pilihan bahasa ketika membentangkan tugas• Mengetahui faktor pilihan bahasa ketika membentangkan tugas
	<ul style="list-style-type: none">• Mengenal pasti pilihan bahasa ketika berinteraksi dengan pensyarah• Mengetahui faktor pilihan bahasa ketika berinteraksi dengan pensyarah
	<ul style="list-style-type: none">• Mengenal pasti pilihan bahasa ketika melakukan perbincangan mengenai tugas di dalam kuliah dan bilik tutorial dengan pelajar dari Malaysia.• Mengetahui faktor pilihan bahasa ketika melakukan perbincangan mengenai tugas di dalam kuliah dan bilik tutorial dengan pelajar dari Malaysia.
	<ul style="list-style-type: none">• Mengenal pasti pilihan bahasa ketika berinteraksi dengan rakan dari negara China di dalam kuliah dan bilik tutorial.• Mengetahui faktor pilihan bahasa ketika berinteraksi dengan rakan dari negara China di dalam kuliah dan bilik tutorial.
	<ul style="list-style-type: none">• Mengenal pasti pilihan bahasa ketika berada di desasiswa menyiapkan tugas bersama pelajar dari Malaysia.• Mengetahui faktor pilihan bahasa ketika berada di desasiswa menyiapkan tugas bersama pelajar dari Malaysia.
	<ul style="list-style-type: none">• Mengetahui pilihan bahasa paling berprestij.
	<ul style="list-style-type: none">• Mengetahui pilihan bahasa dalam membangunkan identiti dan rasa kebanggan pelajar
	<ul style="list-style-type: none">• Mengetahui pilihan bahasa paling efektif dalam bidang pekerjaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pilihan bahasa dalam kalangan pelajar dari China dalam submandala pendidikan di Universiti Sains Malaysia (USM), khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran, serta mengenal pasti faktor terhadap bahasa yang dipilih. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan (*purposive sampling*), di mana borang soal selidik akan diedarkan melalui *Google Form* kepada 100 orang pelajar yang dipilih secara strategik berdasarkan kriteria yang relevan dengan kajian. Ini sejajar dengan pandangan Creswell (2014) yang menekankan kepentingan saiz sampel yang memadai untuk mendapatkan data yang sahih dan dapat diinterpretasi dengan baik. Dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan, kajian ini dapat menyasarkan kumpulan pelajar yang mempunyai pengalaman langsung dalam konteks pendidikan di USM, sekaligus memberikan wawasan yang mendalam mengenai cabaran dan keperluan bahasa mereka dalam mandala pendidikan. Pautan *Google Form* ini akan dikongsi melalui aplikasi *WhatsApp* dan *WeChat* untuk memudahkan akses dan mendapatkan maklum balas dari pelajar yang sesuai. Pendekatan ini memastikan data yang dikumpulkan adalah spesifik dan relevan dengan konteks kajian.

Setiap responden kajian perlu menjawab sebanyak 13 soalan berkenaan pilihan bahasa terhadap bahasa-bahasa yang dimuatkan dalam mandala pendidikan. Berdasarkan tinjauan awal melalui temu bual yang dijalankan oleh pengkaji sebanyak tiga bahasa yang sering digunakan dalam kalangan pelajar dari negara China dalam komunikasi seharian, iaitu bahasa Melayu, bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris. Untuk menentukan pola pilihan bahasa responden untuk setiap submandala pendidikan, data soal selidik akan dianalisis untuk menentukan peratusan kekerapan setiap bahasa yang digunakan dan jangkakan umum. Kesemua data kuantitatif disokong oleh data kualitatif ketika temu bual dan penelitian dijalankan di lapangan. Proses penganalisan melibatkan statistik deskriptif frekuensi dan peratus bagi setiap item yang dikemukakan. Pada bahagian demografi responden kajian, analisis dilakukan terhadap lima item iaitu jantina, umur, tahap

pendidikan, nama universiti tempat belajar di China, dan nama universiti tempat belajar di Malaysia. Bagi item jantina yang ditunjukkan dalam Jadual 2, responden perempuan lebih mendominasi iaitu seramai 69 orang (69%) berbanding lelaki seramai 31 orang (31%). Dari segi umur, responden berusia 20 dan 21 tahun lebih ramai yang mengambil bahagian dalam kajian ini iaitu masing-masing seramai 40 orang (40%), diikuti umur 22 tahun seramai 14 orang (14%), 19 tahun seramai 3 orang (3%), 23 tahun seramai 2 orang (2%) dan baki 1 orang (1%) adalah responden berusia 17 tahun. Kesemua responden iaitu 100 orang (100%) merupakan pelajar sarjana muda.

Seterusnya, responden yang belajar di USM adalah pelajar yang belajar di institusi pengajian tinggi di negara China. Seramai 34 orang (34%) merupakan pelajar di Institut Chengdu Universiti Pengajian Antarabangsa Sichuan, diikuti 25 orang (25%) pelajar di Universiti Pengajian Asing Guangdong, dan 14 orang (14%) pelajar Universiti Komunikasi China. Seterusnya, masing-masing 13 orang (13%) adalah pelajar di Universiti Yunnan Minzu dan Universiti Minzu Guangxi. Baki 1 orang (1%) merupakan pelajar di Universiti Pengajian Antarabangsa Xi'an. Berdasarkan Jadual 3, dari segi umur, responden berusia 20 dan 21 tahun lebih ramai yang mengambil bahagian dalam kajian ini iaitu masing-masing seramai 40 orang (40%), diikuti umur 22 tahun seramai 14 orang (14%), 19 tahun seramai 3 orang (3%), 23 tahun seramai 2 orang (2%) dan baki 1 orang (1%) adalah responden berusia 17 tahun. Jadual 4 menunjukkan kesemua responden iaitu 100 orang (100%) merupakan pelajar sarjana muda.

Seterusnya, Jadual 5 menunjukkan responden yang belajar di USM adalah pelajar yang belajar di institusi pengajian tinggi di negara China. Berdasarkan Jadual 6, seramai 34 orang (34%) merupakan pelajar di Institut Chengdu Universiti Pengajian Antarabangsa Sichuan, diikuti 25 orang (25%) pelajar di Universiti Pengajian Asing Guangdong, dan 14 orang (14%) pelajar Universiti Komunikasi China. Seterusnya, masing-masing 13 orang (13%) adalah pelajar di Universiti Yunnan Minzu dan Universiti Minzu Guangxi. Baki 1 orang (1%) merupakan pelajar di Universiti Pengajian Antarabangsa Xi'an.

JADUAL 2. Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	31	31
Perempuan	69	69
Jumlah	100	100

JADUAL 3. Umur

Umur	Bilangan	Peratus (%)
17	1	1
19	3	3
20	40	40
21	40	40
22	14	14
23	2	2
Jumlah	100	100

JADUAL 4. Tahap pendidikan

Tahap pendidikan	Bilangan	Peratus (%)
Sarjana Muda	100	100
Jumlah	100	100

JADUAL 5. Nama universiti tempat belajar di Malaysia

Nama universiti tempat belajar di Malaysia	Bilangan	Peratus (%)
Universiti Sains Malaysia	100	100
Jumlah	100	100

JADUAL 6. Nama universiti tempat belajar di China

Nama universiti tempat belajar di China	Bilangan	Peratus (%)
Universiti Pengajian Asing Guangdong	25	25
Universiti Yunnan Minzu	13	13
Institut Chengdu Universiti Pengajian Antarabangsa Sichuan	34	34
Universiti Minzu Guangxi	13	13
Universiti Komunikasi China	14	14
Universiti Pengajian Antarabangsa Xi'an	1	1
Jumlah	100	100

DAPATAN KAJIAN

Analisis pilihan bahasa terhadap 100 orang pelajar dari negara China dalam mandala pendidikan, iaitu semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Universiti Sains Malaysia (USM). Analisis dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu maklumat latar belakang responden, pemilihan bahasa dalam submandala semasa pengajaran dan pembelajaran di USM, dan sikap terhadap bahasa.

PILIHAN BAHASA DALAM MANDALA PENDIDIKAN

Analisis pilihan bahasa dalam mandala pendidikan di USM dilakukan terhadap lima submandala iaitu bahasa pilihan ketika membentangkan tugas, bahasa pilihan ketika berinteraksi dengan pensyarah, bahasa pilihan semasa berbincang berkaitan tugas dengan pelajar dari Malaysia di dalam tutorial, bahasa pilihan semasa berinteraksi dengan rakan dari negara China di dalam kuliah, dan bahasa pilihan ketika berada di desasiswa/hostel untuk menyiapkan tugas bersama pelajar dari Malaysia.

SUBMANDALA PENDIDIKAN: MEMBENTANGKAN TUGASAN

Para pelajar yang mengikuti kursus di USM biasanya akan dikehendaki membentangkan tugas mereka secara lisan mahupun bertulis. Pembentangan tugas biasanya akan dijalankan di dalam bilik tutorial. Jadual 7 merupakan pilihan bahasa responden kajian ketika membentangkan tugas.

Bagi bahasa pilihan ketika membentangkan tugas, majoriti daripada mereka iaitu 93 orang (93%) memilih bahasa Melayu, 4 orang (4%) memilih bahasa Inggeris, dan 2 orang (2%) bahasa Mandarin. Hanya 1 orang (1%) memilih campuran bahasa Melayu dan bahasa Mandarin. Berdasarkan dapatan daripada jadual 7 dapatlah dirumuskan bahawa bahasa pilihan ketika membentangkan tugas adalah seperti berikut.

$$BM > BI > B.Mandarin > BM + B.Mandarin$$

Jadual 7.1 merupakan antara dapatan daripada responden berkaitan faktor pemilihan mereka terhadap bahasa-bahasa tersebut ketika membentangkan tugas. Bahasa Melayu menjadi pilihan utama kerana semua ahli dalam tutorial bercakap bahasa Melayu, pensyarah dan rakan berbangsa Melayu, diminta oleh pensyarah supaya berbahasa Melayu, suka bahasa ini, kerana jurusan bahasa Melayu, ingin meningkatkan kemahiran bahasa Melayu lisan, ingin berkomunikasi dengan lebih baik, agar pensyarah dan kawan sekelas boleh faham, serta untuk belajar dan berlatih bahasa Melayu.

Manakala, bahasa Inggeris pula menjadi pilihan segelintir pelajar kerana mudah faham, boleh bercakap dengan lancar, dan lebih pandai bahasa Inggeris daripada bahasa Melayu. Bahasa Mandarin turut menjadi pilihan kerana pelajar tersebut kurang pandai bahasa Melayu. Bagi mereka yang memilih campuran bahasa Melayu dan bahasa Mandarin, pilihan itu dibuat kerana mereka mempunyai rakan dari negara China dan Malaysia.

JADUAL 7. Pilihan bahasa ketika membentangkan tugas

Bahasa pilihan ketika membentangkan tugas	Bilangan	Peratus (%)
B. Melayu	93	93
B. Inggeris	4	4
B. Mandarin	2	2
B. Melayu & B. Mandarin	1	1
Jumlah	100	100

JADUAL 7.1. Faktor pilihan bahasa ketika membentangkan tugas

Responden (R)/Pilihan Bahasa	Bahasa Melayu
R1	<i>Semua ahli dalam tutorial bercakap bahasa Melayu</i>
R2	<i>Pensyarah dan rakan berbangsa Melayu</i>
R3	<i>Diminta oleh pensyarah</i>
R4	<i>Suka bahasa ini</i>
R5	<i>Jurusan bahasa Melayu</i>
R6	<i>Tingkatkan kemahiran bahasa Melayu lisan.</i>
R7	<i>Agar pensyarah dan kawan sekelas boleh faham.</i>
R8	<i>Nak berlatih bahasa Melayu</i>
R9	<i>Untuk belajar bahasa Melayu</i>
R10	<i>Berkomunikasi dengan lebih baik</i>
Bahasa Inggeris	
R1	<i>Lebih pandai bahasa Inggeris daripada bahasa</i>
R2	<i>Melayu</i>
R3	<i>Boleh bercakap dengan lancar</i>
	<i>Mudah faham</i>
Bahasa Mandarin	
R1	<i>Kurang pandai bahasa Melayu</i>
Bahasa Mandarin + Bahasa Melayu	
R1	<i>Mempunyai rakan dari negara China dan Malaysia</i>

SUBMANDALA PENDIDIKAN: BERINTERAKSI DENGAN PENSYARAH

Para pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu di USM akan mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kuliah dan tutorial bersama dengan pensyarah. Di samping itu mereka juga berinteraksi dengan pensyarah dalam situasi di luar dewan kuliah dan bilik tutorial, iaitu berbincang berkaitan tugas di pejabat pensyarah. Jadual 8 merupakan pilihan bahasa responden ketika berinteraksi dengan pensyarah di dalam kuliah atau tutorial dan di pejabat pensyarah.

Bagi bahasa pilihan ketika berinteraksi dengan pensyarah, bahasa Melayu menjadi pilihan majoriti responden iaitu dengan bilangan 91 orang (91%) memilih bahasa tersebut berbanding 8 orang (8%) memilih bahasa Inggeris. Baki selebihnya adalah 1 orang (1%) memilih campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Berdasarkan dapatan daripada jadual 8 dapatlah dirumuskan bahawa bahasa pilihan ketika berinteraksi dengan pensyarah adalah seperti berikut.

$$BM > BI > BM + BI$$

Jadual 8.1 merupakan pandangan responden berkaitan faktor pemilihan mereka terhadap bahasa-bahasa tersebut ketika berinteraksi dengan pensyarah. Majoriti pelajar memilih bahasa Melayu ketika berinteraksi dengan pensyarah. Antara faktor pemilihan bahasa ini adalah disebabkan pensyarah bercakap bahasa Melayu, perlu meningkatkan kebolehan berbahasa Melayu, suka bahasa Melayu, meningkatkan kemahiran lisan dan pendengaran bahasa Melayu, kerana berguna, pensyarah menggalakkan mereka menggunakan bahasa Melayu untuk sesi soal jawab di dalam kelas, ingin berkomunikasi dengan baik, sebagai penghormatan kepada pensyarah, dan kuliah dalam bahasa Melayu.

Dari segi pemilihan bahasa Inggeris, bahasa tersebut dipilih kerana terdapat beberapa perkataan yang tidak dikuasai dalam bahasa Melayu menghalang untuk menyatakan pandangan dengan tepat kepada pensyarah, mereka tidak mahir bahasa Melayu, senang berinteraksi dengan pensyarah, serta supaya dapat menjelaskan pemikiran dengan lebih jelas. Manakala, campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris turut menjadi pilihan responden kerana mereka dapat mengenali budaya tempatan di samping memperbaiki tahap bahasa Melayu.

JADUAL 8. Pilihan bahasa ketika berinteraksi dengan pensyarah

Bahasa pilihan ketika berinteraksi dengan pensyarah di dalam kuliah	Bilangan	Peratus (%)
B. Melayu	91	91
B. Inggeris	8	8
B. Melayu & B. Inggeris	1	1
Jumlah	100	100

JADUAL 8.1. Faktor pilihan bahasa ketika berinteraksi dengan pensyarah

Responden (R)/Pilihan Bahasa	Bahasa Melayu
R1	<i>Pensyarah bercakap bahasa Melayu</i>
R2	<i>Tingkatkan kemahiran bahasa Melayu lisan.</i>
R3	<i>Perlu meningkatkan kebolehan bahasa Melayu</i>
R4	<i>Suka bahasa ini</i>
R5	<i>Kerana ia berguna</i>
R6	<i>Boleh meningkatkan kebolehan Kemahiran mendengar BM.</i>

- R7** *Pensyarah menggalakkan kami menggunakan bahasa Melayu untuk soalan dan jawapan dalam kelas*
R8 *Berkomunikasi dengan lebih baik*
R9 *Menampilkan hormat kepada pensyarah*
R10 *Kuliah dalam bahasa Melayu*

Bahasa Inggeris

- R1** *Senang untuk berkomunikasi dengan pensyarah*
R2 *Untuk menjelaskan pemikiran saya dengan jelas*
R3 *Terdapat beberapa perkataan yang tidak dikuasai dalam bahasa Melayu menghalang untuk menyatakan pandangan dengan tepat kepada pensyarah*
R4 *Lebih pandai bahasa Inggeris daripada bahasa Melayu.*

Bahasa Melayu + Bahasa Inggeris

- R1** *Untuk lebih mengenali budaya bahasa tempatan dan ciri-ciri tempatan yang berkaitan dengan bahasa serta bahasa Inggeris juga merupakan bahasa yang perlu diperbaiki.*
-

SUBMANDALA PENDIDIKAN: PERBINCANGAN MENGENAI TUGASAN DI DALAM KULIAH DAN BILIK TUTORIAL DENGAN PELAJAR DARI MALAYSIA

Para pelajar yang mengikuti kursus di USM biasanya akan diberi tugas oleh pensyarah sepanjang sesi pengajian berlangsung. Dalam menyiapkan tugas bersama-sama rakan dari Malaysia, proses perbincangan biasanya berlaku di dalam kuliah dan bilik tutorial. Jadual 9 merupakan pilihan bahasa responden kajian semasa berbincang berkaitan tugas dengan pelajar dari Malaysia.

Seterusnya, berkaitan dengan bahasa pilihan semasa berbincang berkaitan tugas dengan pelajar dari Malaysia, kebanyakan responden turut memilih bahasa Melayu iaitu dengan bilangan 82 orang (82%), diikuti pilihan bahasa Inggeris seramai 9 orang (9%) dan 5 orang (5%) memilih campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Baki selebihnya iaitu 4 orang (4%) memilih bahasa Mandarin. Berdasarkan dapatan daripada jadual 8 dapatlah dirumuskan bahawa pilihan bahasa ketika berbincang berkaitan tugas dengan pelajar dari Malaysia adalah seperti berikut.

$$BM > BI > B.Mandarin > BM + BI$$

Jadual 9.1 merupakan pandangan responden kajian berkaitan faktor pemilihan mereka terhadap bahasa-bahasa tersebut semasa berbincang berkaitan tugas dengan pelajar dari Malaysia. Bahasa Melayu menjadi pilihan majoriti responden kerana rakan dari Malaysia berbangsa Melayu, boleh belajar bahasa Melayu melalui perbualan dengan pelajar Malaysia, suka bahasa Melayu, jurusan bahasa Melayu, ingin meningkatkan kemahiran bahasa Melayu lisan dan pendengaran, kerana ia berguna kepada mereka, ingin berkomunikasi dengan lebih baik, untuk menjelaskan pemikiran dengan jelas, serta mahu berlatih bahasa Melayu.

Seterusnya, bahasa Inggeris pula dipilih kerana untuk melatih diri bertutur dan mendengar lagi bahasa Melayu, mudah faham untuk berkomunikasi, serta dapat melatih kemahiran bahasa, kemahiran mendengar dan bertutur. Bahasa Mandarin turut menjadi pilihan kerana lebih mudah bagi mereka untuk berkomunikasi. Campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris menjadi pilihan kerana pelajar sentiasa bercakap bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian penggunaan

bahasa campuran ini dapat melancarkan komunikasi mereka kerana terdapat kosa kata bahasa Melayu yang masih belum dikuasai oleh mereka.

JADUAL 9. Pilihan bahasa semasa berbincang berkaitan tugas di dalam kuliah dan tutorial dengan pelajar tempatan

Bahasa pilihan semasa berbincang berkaitan tugas dengan pelajar dari Malaysia di dalam kelas tutorial	Bilangan	Peratus (%)
B. Melayu	82	82
B. Inggeris	9	9
B. Mandarin	4	4
B. Melayu & B. Inggeris	5	5
Jumlah	100	100

JADUAL 9.1. Faktor pilihan bahasa semasa berbincang berkaitan tugas di dalam kuliah dan tutorial dengan pelajar tempatan

Responden (R)/Pilihan Bahasa	Bahasa Melayu
R1	<i>Rakan berbangsa Melayu</i>
R2	<i>Boleh belajar bahasa Melayu melalui perbualan dengan pelajar Malaysia</i>
R3	<i>Suka bahasa ini</i>
R4	<i>Jurusan bahasa Melayu.</i>
R5	<i>Tingkatkan kemahiran bahasa Melayu lisan.</i>
R6	<i>Kerana ia berguna</i>
R7	<i>Boleh meningkatkan kebolehan pendengaran BM</i>
R8	<i>Nak berlatih bahasa Melayu</i>
R9	<i>Berkomunikasi dengan lebih baik</i>
R10	<i>Untuk menjelaskan pemikiran dengan jelas</i>
	Bahasa Inggeris
R1	<i>Melatih diri untuk bertutur dan mendengar lagi bahasa Melayu</i>
R2	<i>Mudah faham berkomunikasi</i>
R3	<i>Latih kemahiran bahasa, kemahiran mendengar dan bertutur</i>
	Bahasa Mandarin
R1	<i>Mudah faham untuk berkomunikasi</i>
	Bahasa Melayu + Bahasa Inggeris
R1	<i>Mereka sentiasa bercakap bahasa Melayu</i>

SUBMANDALA PENDIDIKAN: BERINTERAKSI DENGAN RAKAN DARI NEGARA CHINA DI DALAM KULIAH DAN TUTORIAL

Para pelajar dari China yang mengikuti kursus di USM biasanya akan berinteraksi bersama rakan-rakan dari negara mereka sendiri ketika berada di dalam kuliah dan tutorial. Jadual 10 merupakan pilihan bahasa responden ketika berinteraksi dengan rakan dari negara China di dalam kuliah dan tutorial.

Semasa berinteraksi dengan rakan dari negara China di dalam kuliah dan tutorial, majoriti pelajar iaitu 86 orang (86%) menggunakan bahasa Mandarin. Hanya 12 orang (12%) memilih

bahasa Melayu dan 2 orang (2%) memilih bahasa Inggeris. Berdasarkan dapatan daripada jadual 9 dapatlah dirumuskan bahawa pilihan bahasa ketika berinteraksi dengan rakan dari negara China di dalam kuliah dan tutorial.

B.Mandarin > BM > BI

Jadual 10.1 merupakan pandangan informan berkaitan faktor pemilihan mereka terhadap bahasa-bahasa tersebut semasa berinteraksi dengan rakan senegara di dalam kuliah dan tutorial.

JADUAL 10. Pilihan bahasa semasa berinteraksi dengan rakan dari negara China di dalam kuliah dan tutorial

Bahasa pilihan semasa berinteraksi dengan rakan dari negara China di dalam kuliah	Bilangan	Peratus (%)
B. Melayu	12	12
B. Inggeris	2	2
B. Mandarin	86	86
Jumlah	100	100

JADUAL 10.1. Faktor pilihan bahasa semasa berinteraksi dengan rakan dari negara China di dalam kuliah dan tutorial

Responden (R)/Pilihan Bahasa	Bahasa Melayu
R1	<i>Berkuliah untuk meningkatkan kebolehan BM, tentulah harus cakap BM semasa berkuliah</i>
R2	<i>Boleh faham</i>
R3	<i>Kerana bermanfaat</i>
R4	<i>Cuba menggunakan bahasa Melayu dan kalau ada kesukaran baru akan menggunakan bahasa Mandarin.</i>
	Bahasa Inggeris
R1	<i>Mudah faham</i>
	Bahasa Mandarin
R1	<i>Senang untuk berkomunikasi</i>
R2	<i>Kemahiran bahasa Melayu tidak cukup baik</i>
R3	<i>Agar interaksi berjalan dengan lebih lancar</i>
R4	<i>Untuk menjimatkan masa</i>
R5	<i>Lebih memudahkan perbincangan</i>
R6	<i>Kerana rakan saya juga dari negara China, juga boleh bahasa Mandarin</i>
R7	<i>Lebih mudah untuk saling memahami.</i>
R8	<i>Kerana mereka dari negara China</i>
R9	<i>Bahasa ibunda</i>
R10	<i>Interaksi berjalan dengan lebih lancar</i>
	<i>Membolehkan ahli kumpulan memahami dengan cepat apa yang dimaksudkan</i>

Majoriti pelajar memilih bahasa Mandarin ketika bercakap sesama pelajar dari negara China kerana senang untuk berkomunikasi, kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Melayu tidak cukup baik, agar interaksi berjalan dengan lebih lancar, menjimatkan masa, memudahkan perbincangan, rakan boleh berbahasa Mandarin, lebih mudah untuk saling memahami, bahasa ibunda, interaksi lebih lancar, dan membolehkan ahli kumpulan memahami dengan cepat apa yang dimaksudkan.

Bagi yang memilih untuk menggunakan bahasa Melayu, bahasa ini dipilih kerana mereka boleh faham bahasa ini, bermanfaat untuk belajar bahasa Melayu, di samping tujuan asal berkuliah adalah untuk meningkatkan kebolehan bahasa Melayu. Justeru, bahasa Melayu perlu digunakan semasa kuliah. Hanya jika terdapat kesukaran untuk menggunakan bahasa Melayu barulah mereka mencampurkannya dengan bahasa Mandarin. Bahasa Inggeris pula dipilih untuk memudahkan kefahaman.

SUBMANDALA PENDIDIKAN: KETIKA BERADA DI DESASISWA/HOSTEL MENYIAPKAN TUGASAN BERSAMA PELAJAR TEMPATAN

Para pelajar dari negara China yang mengikuti kursus di USM biasanya akan diberi penginapan di desasiswa/hostel. Justeru, mereka akan bergaul dengan pelajar dari Malaysia. Mereka juga biasanya akan menyiapkan tugas yang diberi oleh pensyarah di desasiswa/hotel bersama pelajar dari Malaysia. Jadual 11 merupakan bahasa pilihan mereka ketika berada di desasiswa/hostel untuk menyiapkan tugas bersama pelajar dari Malaysia.

Bagi bahasa pilihan ketika berada di desasiswa/hostel untuk menyiapkan tugas bersama pelajar dari Malaysia, majoriti pelajar iaitu 87 orang (87%) memilih untuk menggunakan bahasa Melayu. Manakala, baki selebihnya iaitu 9 orang (9%) memilih bahasa Inggeris, 3 orang (3%) memilih campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta 1 orang (1%) menggunakan bahasa Mandarin. Berdasarkan dapatan daripada jadual 11 dapatlah dirumuskan bahawa pilihan bahasa ketika berada di desasiswa/hostel menyiapkan tugas bersama pelajar dari Malaysia.

$$BM > BI > B.Mandarin > BM + BI$$

Jadual 11.1 merupakan pandangan responden berkaitan faktor pemilihan mereka terhadap bahasa-bahasa tersebut ketika berada di desasiswa/hostel menyiapkan tugas bersama pelajar dari Malaysia. Kebanyakan pelajar memilih bahasa Melayu kerana kebanyakan rakan berbangsa Melayu, bahasa Melayu boleh difahami oleh semua, membolehkan ahli kumpulan memahami dengan cepat apa yang dimaksudkan, meningkatkan kemahiran bahasa Melayu lisan dan pendengaran, tugas perlu dalam bahasa Melayu, pelajar Melayu bercakap bahasa Melayu, dapat berkomunikasi dengan lebih baik, dan boleh meningkatkan kebolehan berbahasa. Selain itu, faktor ingin lebih mesra dengan pelajar Melayu turut membuatkan mereka memilih bahasa ini ketika berada di desasiswa/hostel untuk menyiapkan tugas bersama pelajar dari Malaysia.

Seterusnya, bahasa Inggeris menjadi pilihan pelajar kerana bahasa ini lebih efektif, dan mereka lemah dalam bahasa Melayu dan ingin menjelaskan pemikiran dengan lebih jelas. Oleh yang demikian, terdapat dalam kalangan mereka yang mencampurkan perbualan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris kerana campuran kedua-dua bahasa ini merupakan bahasa yang selalu digunakan oleh penduduk di Malaysia serta boleh menjadi sokongan dalam kemahiran berbahasa. Bagi mereka yang memilih bahasa Mandarin, tindakan itu dibuat kerana masih berlatih bertutur dalam bahasa Melayu.

JADUAL 11. Pilihan bahasa ketika berada di desasiswa/hostel menyiapkan tugas bersama pelajar tempatan

Bahasa pilihan ketika berada di desasiswa/hostel untuk menyiapkan tugas bersama pelajar dari Malaysia	Bilangan	Peratus (%)
B. Melayu	87	87
B. Inggeris	9	9
B. Mandarin	1	1
B. Melayu & B. Inggeris	3	3
Jumlah	100	100

JADUAL 11.1. Faktor pilihan bahasa ketika berada di desasiswa/hostel menyiapkan tugas bersama pelajar tempatan

Responden (R)/Pilihan Bahasa	Bahasa Melayu
R1	<i>Bahasa Melayu boleh difahami oleh semua</i>
R2	<i>Membolehkan ahli kumpulan memahami dengan cepat apa yang dimaksudkan</i>
R3	<i>Tingkatkan kemahiran bahasa Melayu lisan</i>
R4	<i>Tugas perlu dalam BM</i>
R5	<i>Boleh meningkatkan kebolehan pendengaran BM</i>
R6	<i>Pelajar dari Malaysia bercakap bahasa Melayu</i>
R7	<i>Berkomunikasi dengan lebih baik</i>
R8	<i>Boleh meningkatkan kebolehan berbahasa</i>
R9	<i>Untuk mesra dengan Pelajar Melayu</i>
	Bahasa Inggeris
R1	<i>Lebih efektif</i>
R2	<i>Untuk menjelaskan pemikiran dengan jelas</i>
R3	<i>Kurang pandai bahasa Melayu</i>
	Bahasa Mandarin
R1	<i>Berlatih bertutur dalam BM. Rakan dari China yang menguasai BM akan bantu terjemahkan dalam BM.</i>
	Bahasa Melayu + Bahasa Mandarin
R1	<i>Sebagai bahasa sokongan</i>
R2	<i>Bahasa yang biasa digunakan di Malaysia</i>

Berdasarkan kesemua submandala tersebut, dapat disimpulkan bahawa bahasa Melayu menjadi pilihan majoriti pelajar bagi membentangkan tugas, berinteraksi dengan pensyarah, berbincang mengenai tugas bersama rakan dari Malaysia di dalam kelas tutorial, dan menyiapkan tugas dengan rakan dari Malaysia ketika berada di desasiswa/hotel. Bahasa Mandarin hanya menjadi pilihan ketika berinteraksi dengan rakan dari China ketika berada di dalam kuliah.

PERSEPSI RESPONDEN KAJIAN TERHADAP BAHASA-BAHASA PILIHAN

Analisis terakhir dalam kajian tinjauan ini adalah persepsi responden kajian terhadap bahasa-bahasa pilihan. Terdapat tiga item yang dianalisis iaitu bahasa yang paling berprestij, bahasa yang membuatkan berasa bangga apabila menggunakannya, dan bahasa yang paling efektif dalam bidang pekerjaan.

BAHASA PALING BERPRESTIJ

Hasil tinjauan mengenai bahasa yang paling berprestij, majoriti iaitu 64 orang responden (64%) memilih bahasa Inggeris. Hanya 24 orang (24%) memilih bahasa Mandarin, 10 orang (10%) memilih bahasa Melayu, dan baki 2 orang (2%) memilih semua bahasa. Berdasarkan dapatan daripada Jadual 12 dapatlah dirumuskan bahawa bahasa yang dianggap sebagai bahasa paling berprestij adalah seperti berikut.

$$BI > B.Mandarin > BM > Semua Bahasa berprestij$$

JADUAL 12. Bahasa yang paling berprestij

Bahasa yang paling berprestij	Bilangan	Peratus (%)
B. Melayu	10	10
B. Inggeris	64	64
B. Mandarin	24	24
Semua bahasa	2	2
Jumlah	100	100

BAHASA DALAM MEMBANGUNKAN IDENTITI DAN RASA KEBANGGAAN PELAJAR

Seterusnya, tinjauan mengenai bahasa dalam membangun identiti dan rasa kebanggaan pelajar, majoriti pelajar iaitu 74 orang (74%) dari China ini memilih bahasa Mandarin. Hanya 13 orang (13%) memilih bahasa Melayu, 11 orang (11%) memilih bahasa Inggeris, dan baki 1 orang (1%) masing-masing memilih gabungan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta semua bahasa. Berdasarkan dapatan daripada Jadual 13 dapatlah dirumuskan bahawa bahasa dalam membangun identiti dan rasa kebanggaan pelajar menggunakannya adalah seperti berikut.

$$B.Mandarin > BM > BI > B.Mandarin + BM + Semua Bahasa$$

JADUAL 13. Bahasa yang membuatkan berasa bangga apabila menggunakannya

Bahasa yang membuatkan berasa bangga apabila menggunakannya	Bilangan	Peratus (%)
B. Melayu	13	13
B. Inggeris	11	11
B. Mandarin	74	74
B. Mandarin & B. Melayu	1	1
Semua bahasa	1	1
Jumlah	100	100

BAHASA PALING EFEKTIF DALAM BIDANG PEKERJAAN

Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris kembali menjadi pilihan ramai iaitu 60 orang (60%) mengatakan bahawa bahasa tersebut merupakan bahasa paling efektif dalam bidang pekerjaan. Hanya 19 orang (19%) memilih bahasa Mandarin, dan 16 orang (16%) memilih bahasa Melayu. Manakala baki 5 orang (5%) memilih opsyen ketiga-tiga bahasa. Berdasarkan dapatan daripada

Jadual 14 dapatlah dirumuskan bahawa bahasa yang paling efektif dalam bidang pekerjaan adalah seperti berikut.

$$BI > B.Mandarin > BM > BI+BM+B.Mandarin$$

JADUAL 14. Bahasa paling efektif dalam bidang pekerjaan

Bahasa yang paling efektif dalam bidang pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
B. Melayu	16	16
B. Inggeris	60	60
B. Mandarin	19	19
Ketiga-tiga bahasa	5	5
Jumlah	100	100


Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan tersebut, jelaslah bahawa majoriti pelajar berpendapat bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa paling berprestij dan bahasa paling efektif dalam bidang pekerjaan. Namun, bahasa yang paling membuatkan mereka bangga apabila menggunakannya adalah bahasa Mandarin. Walau bagaimanapun bahasa Melayu juga merupakan bahasa yang menjadi pilihan sebagai antara bahasa yang berprestij, bahasa yang efektif dan bahasa yang paling membuatkan mereka bangga apabila menggunakannya.

PERBINCANGAN

Berdasarkan lima submandala pendidikan yang dikaji, hasil menunjukkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris menjadi bahasa pilihan pelajar antarabangsa dari negara China apabila mereka menggunakan kedua-dua bahasa ini dalam kelima-lima submandala tersebut. Antara faktor mereka memilih bahasa Melayu kerana kebanyakan rakan berbangsa Melayu, tugas perlu dalam bahasa Melayu dan faktor ingin lebih mesra dengan pelajar Melayu turut membuatkan mereka memilih bahasa ini dalam mandala pendidikan. Seterusnya, bahasa Inggeris menjadi pilihan pelajar kerana bahasa ini lebih efektif, dan mereka lemah dalam bahasa Melayu dan ingin menjelaskan pemikiran dengan lebih jelas. Oleh yang demikian, terdapat dalam kalangan mereka yang mencampurkan perbualan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris kerana campuran kedua-dua bahasa ini merupakan bahasa yang selalu digunakan oleh penduduk di Malaysia serta boleh menjadi sokongan ketika menggunakan bahasa Melayu.

Jadual 15 dipaparkan bahasa pilihan dalam lima submandala pendidikan dalam kalangan pelajar antarabangsa negara China yang belajar di USM.

JADUAL 15. Pilihan bahasa dalam 5 submandala pendidikan



Jadi pola hierarki secara keseluruhan Pilihan Bahasa dalam lima submandala pendidikan ialah $BM = BI > B.Mandarin > BM+BI > BM + B.Mandarin$, di mana BM dan BI merupakan bahasa utama dalam 5 submandala pendidikan. Diikuti, bahasa mandarin dalam 4 submandala pendidikan, BM + BI 3 submandala pendidikan dan BM + B.Mandarin 1 submandala pendidikan.

Selanjutnya, Jadual 16 menunjukkan dapatan kajian sikap bahasa terhadap bahasa-bahasa pilihan mendapati pelajar antarabangsa dari negara China memilih Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin sebagai bahasa berprestij, bahasa yang dibanggakan dan bahasa yang efektif dalam bidang pekerjaan.

JADUAL 16. Persepsi terhadap bahasa-bahasa pilihan

Sikap Bahasa	BM	BI	B. Mandarin	BM+BI+B.Mandarin
Prestij				
Bangga				
Efektif				
Kerjaya				
	3 pilihan	3 pilihan	3 pilihan	3 pilihan

Jadi pola hierarki secara keseluruhan pilihan bahasa dalam lima submandala pendidikan ialah $BM = BI = B.Mandarin$, di mana BM, BI dan bahasa Mandarin dipilih sebagai bahasa berprestij, bahasa yang dibanggakan dan bahasa yang efektif dalam bidang pekerjaan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi atas pembiayaan yang diberikan melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (Kod rujukan KPT: FRGS/1/2023/SS109/USM/02/2) (Kod Akaun USM: 203.PHUMANITI.6712164)

KESIMPULAN

Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami pola pilihan bahasa pelajar dari negara China dalam mandala pendidikan di Universiti Sains Malaysia (USM). Kajian ini mendapati bahawa pelajar dari negara China di USM tidak hanya bergantung kepada bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris dalam persekitaran akademik, tetapi secara aktif menggunakan bahasa Melayu dalam interaksi sehari-hari dan tugas akademik. Ini mencerminkan usaha mereka untuk berintegrasi dengan budaya tempatan sambil tetap memelihara identiti kebangsaan mereka. Dapatan ini menggariskan perlunya strategi pendidikan yang menyokong dan mempromosikan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam konteks pembelajaran, serta menyediakan latihan dan sokongan tambahan untuk membantu pelajar antarabangsa menyesuaikan diri dengan lebih baik. Dengan ini, institusi pendidikan dapat memanfaatkan kepelbagaian bahasa untuk memperkaya pengalaman pembelajaran dan memastikan bahawa pelajar antarabangsa dapat mencapai kejayaan akademik dan sosial yang optimum di peringkat global.

RUJUKAN

- Ammar Asyraf Mansor dan Sa'adiyah Ma'alip. 2020. Sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Singapura. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2): 1-17.
- Chew Fong Peng. 2018. Sikap bahasa Melayu dalam kalangan siswa/i China. *Jurnal Kurikulum & pengajaran Asia Pasifik*, 6(4): 1-11
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Dilah Tuah, Chong Shin, Remmy Gedat, dan Mohammed Azlan Mis. 2021. Pemilihan bahasa dalam kalangan etnik minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak: Satu penelitian awal. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(2): 177-195.
- Fishman, Joshua A. 1972. *The sociology of language*. Rowley, Mass: New Bury House.
- Fishman, J.A. 1972. *Language in sociocultural change*: Stanford University Press.
- Fishman, J.A. 1972. Domains and the relationship between micro and macrosociolinguistics. Dalam *Directions in sociolinguistics: The ethnography of communication*, ed. J. Gumperz dan D. Hymes, 435-453. New York: Holt, Rinehart dan Winston.
- Fishman, Joshua A. 1991. *Sosiologi bahasa*. Diterjemah oleh Alias Mohammad Yatim. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Irwan Shafrizan dan Ihsan Norzali. 2023. Pelajar asing dari China paling ramai di Malaysia. BH Online. Bahan diakes pada 29 Disember 2023, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2023/07/1133951/pelajar-asing-dari-china-paling-ramai-di-malaysia>.
- Kumaravadivelu, B. 2006. *Understanding Language Teaching: From Method to Postmethod*. Lawrence Erlbaum Associates.
- Liew Chei Siang. 2011. Pendidikan merentasi sempadan: Satu kajian kes pelajar China, Iran dan Indonesia di Malaysia. *Prosiding Perkem V*, Jilid 2(2011): 494-505.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab. 2023. Sikap bahasa dan pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Melayu*, 22(22): 22-53.
- Spolsky, B. 2004. *Language Policy*. Cambridge University Press.
- Su Yingying dan Hen Xiao. 2022. Bahasa Melayu bantu perkukuh persahabatan China-Malaysia. BH Online. Bahan diakes pada 29 Disember 2023, daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2022/05/959736/bahasa-melayu-bantu-perkukuh-persahabatan-china-malaysia>.
- Tan Hua An dan Tan Tiam Lai. 2021. Sikap dan persepsi terhadap pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa asing di Universiti Teknikal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3): 450-460.
- Tee Beng Ann dan Liew Chei Siang. 2010. Analisis persepsi tentang Malaysia sebagai destinasi pengajian di kalangan pelajar China. *Prosiding Perkem V*, Jilid 2(2010): 286-299.
- Yong, Chyn Chye & Vijayaletchumy Subramaniam. 2012. Analisis kesilapan dalam pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar asing. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 12 (2 (spe). pp. 667-692. ISSN 1675-8021.
- Zeckqualine Melai & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin. 2020. Pengajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Asing: Analisis Pola Kesalahan Tatabahasa Dalam Penulisan. *Issues in Language Studies*, 9(1): 86-106.

Mohd Khaidir Abdul Wahab
Bahagian Linguistik Bahasa Melayu
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia, Malaysia
Email: mohdkhaidir@usm.my